

SITI AISYAH TUMIN*, MUHAMMAD SAFUAN ABDUL LATIP¹

*Faculty Of Hotel and Tourism Management, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Permatang Pauh, Pulau Pinang Malaysia

¹Faculty Of Hotel and Tourism Management, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Dungun, Terengganu Malaysia

*Email Penulis:aisyahumin@uitm.edu.my

dang Kara air tawar merupakan hidupan akuatik yang kian mendapat tempat dikalangan masyarakat di Malaysia. Hidupan akuatik ini sangat popular dikalangan pencinta haiwan kerana rupanya yang eksotik dan mudah untuk dijaga. Tapi siapa sangka, daripada hobi, ianya bertukar menjadi sumber pendapatan yang menguntungkan. Inilah yang dikongsikan oleh seorang usahawan atau penternak udang kara air tawar yang bernama Muhammad Saifullah bin Dolmat (35 tahun) atau lebih mesra dengan panggilan 'Saiful'. Menurut beliau, perniagaan yang melibatkan bahan makanan akan sentiasa menarik perhatian ramai kerana ianya merupakan keperluan asas kepada kita setiap hari. Tambahan, penternakan udang kara air tawar ini kurang diceburi oleh masyarakat sekali gus mewujudkan kurang persaingan dikalangan pengusaha lain.

Menurut beliau lagi, idea ini tercetus semenjak kerajaan mula mengishtiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac yang lalu.

Ketika itu, ramai perniaga telah kehilangan sumber pendapatan termasuklah beliau. Namun, beliau bijak mengambil peluang dengan memasarkan produk udang kara air tawar sebagai sumber makanan yang dinamakan 'Lobster lobster. Malaya' yang terletak di Duyong, Melaka. Perniagaan ini berfokuskan pada penjualan udang kara air tawar secara dalam talian sama ada sebagai sumber makanan (sejuk beku, menu hidangan) mahupun sebagai haiwan perhiasan. Sepanjang tempoh PKP, beliau banyak mendapat tempahan daripada masyarakat Cina terutamanya untuk dijadikan sebagai hidangan tetapi berbeza pula dengan pelanggan dikalangan masyarakat Melayu kerana mereka lebih gemar untuk menternak atau jadikan sebagai haiwan perhiasan di rumah.


Sebagai satu langkah inisiatif, beliau yang juga pengusaha kedai makan, telah memperkenalkan beberapa hidangan bermenukan udang kara atau lebih dikenali sebagai 'lobster' dikalangan warga Melaka seperti nasi

lemak lobster, mee kari lobster, lontong goreng lobster, lobster masak *buttermilk* dan banyak lagi. Penerimaan warga Melaka amat memberangsangkan dan lebih mudah dengan

menggunakan perkhidmatan penghantaran makanan ke rumah sesuai dengan keadaan semasa ketika itu. Selain daripada itu, beliau juga membekalkan anak benih, induk, peralatan penternakan dan konsultansi lobster bagi sesiapa yang berminat untuk memulakan penternakan udang kara air tawar.

Beliau yang juga merupakan anak jati Melaka turut berkongsi ilmu tentang penjagaan udang kara air tawar. Menurut beliau, penjagaan 'lobster' ini tidak

susah kerana ia merupakan haiwan omnivor yang memakan apa sahaja yang mendapat dibawah kolam termasuklah dedak atau rumpai laut *Hydrilla*. Dari segi penjagaan air, pH air haruslah neutral iaitu 7.4 bagi menjamin pembesaran dan kualiti udang kara. Tambahan pula, kekerapan udang kara dewasa (4-5 inci) mengawan adalah tiga hingga empat kali dalam setahun dan mampu menghasilkan 200 hingga 300 biji telur. Manakala, udang kara yang bersaiz enam hingga tujuh inci mampu menghasilkan 500 hingga 600 biji telur. Telur ini kemudian memakan masa dalam 40 hari untuk menjadi anak



Rajah 1 Muhammad Saifullah bin Dolmat

Tempoh udang kara membesar adalah sekitar tujuh hingga lapan bulan bergantung pada jenis kolam. Jika kolam tanah, ianya memakan masa enam bulan untuk membesar kerana sumber khasiat semula jadi yang terkandung dalam tanah membantu tumbesaran udang kara. Sehingga kini, beliau telah memiliki tujuh buah kolam dan mempunyai lebih 4000 anak benih udang kara untuk dipasarkan.

Sepanjang tempoh bulan Ramadan yang lalu, beliau banyak menerima tempahan sehingga berjaya menjana pendapatan luma-yan, mencecah lima angka. Menurut beliau, setiap perniagaan mempunyai risiko masing-masing. Oleh itu, persiapkan diri dengan usaha bersungguh-sungguh yang berterusan dalam apa sahaja keadaan. Akhir kalam, beliau berhasrat untuk memajukan lagi perniagaan ini dan membantu lebih ramai belia dan masyarakat lain yang berminat untuk mengusahakan pen-

ternakan udang kara air tawar dengan menawarkan kursus pendek pada masa akan datang. Semoga saudara Saiful terus maju dalam perniagaannya dan terus memperoleh kejayaan.

Rujukan

[1] <https://www.facebook.com/bazarselerakita1/>